

ANALISIS ELEMEN KBAT DALAM DOKUMEN STANDARD KURIKULUM DAN PENILAIAN (DSKP) HIFZ AL-QURAN DI BAWAH KURIKULUM BERSEPADU TAHFIZ (KBT)

***Mohd Faizulamri Mohd Saad¹, Nur Syuhada Mohd Ataa², Sabri Mohamad³, &
Hamdi Ishak⁴***

*Pusat Kajian al-Quran dan al-Sunnah, Fakulti Pengajian Islam, Universiti Kebangsaan Malaysia,
43000 UKM Bangi, Selangor, Malaysia
faizam@ukm.edu.my¹, syuhadaataa.gojes@gmail.com², sabri_m@ukm.edu.my³, &
hamdi@ukm.edu.my⁴*

ABSTRACT

The implementation of High Order Thinking Skills (HOTS) by the Ministry of Education Malaysia (MOE) aims to empower students with the skills necessary for competitiveness in the rapidly evolving global landscape. The HOTS elements embedded in the Secondary School Standard Curriculum (KSSM) are also integrated into the Curriculum and Assessment Standard Document (DSKP) for the Hifz al-Quran subject under the Integrated Tahfiz Curriculum (KBT). The incorporation of HOTS elements in the Hifz al-Quran subject is adapted from the Revised Bloom's Taxonomy, a framework employed across all educational curricula under the Malaysian Education Blueprint (PPPM) 2013-2025. Previous studies on HOTS and tahfiz curricula indicate gaps and underscore the need for up-to-date in-depth investigations to align with the rapid developments in contemporary tahfiz education. This article aims to analyze the HOTS elements in the DSKP for the Hifz al-Quran subject, focusing on the verbs used in the Content Organization listed in the document. The study employs a document analysis research design, wherein data related to HOTS and KBT are collected and descriptively analyzed. The results of the document content analysis reveal the identification of HOTS elements in the DSKP for the Hifz al-Quran subject, categorizable into three main domains of HOTS elements: cognitive, affective, and psychomotor.

Keywords: *HOTS, Integrated Tahfiz Curriculum, Hifz al-Quran, DSKP, Revise Bloom's Taxonomy*

ABSTRAK

Elemen Kemahiran Berfikir Aras Tinggi (KBAT) yang dilaksanakan oleh Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) bertujuan untuk memperkasakan pelajar dengan kemahiran yang diperlukan untuk berdaya saing dalam kehidupan dunia yang semakin pesat. Elemen KBAT yang terdapat di dalam Kurikulum Standard Sekolah Menengah (KSSM) turut diimplementasi dalam Dokumen Standard Kurikulum dan Penilaian (DSKP) bagi mata Pelajaran Hifz al-Quran yang berada di bawah Kurikulum Bersepadu Tahfiz (KBT). Penerapan elemen KBAT di dalam mata Pelajaran Hifz al-Quran telah diadaptasi dari Taksonomi Bloom Semakan Anderson, yang juga diguna pakai dalam kesemua kurikulum pendidikan yang berada di bawah kerangka Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (PPPM) 2013-2025. Kajian lepas mengenai KBAT dan kurikulum tahfiz menunjukkan kelompongan dan perlunya kajian mendalam yang terkini bagi menyesuaikan dengan perkembangan pesat pendidikan tahfiz masa kini. Artikel ini bertujuan untuk menganalisis elemen KBAT di dalam DSKP mata pelajaran Hifz al-Quran, dari sudut kata kerja yang digunakan pada Organisasi Kandungan yang disenaraikan dalam dokumen tersebut. Kajian ini menggunakan reka bentuk analisis dokumen, data yang berkaitan dengan KBAT dan KBT dikumpulkan dan dianalisis secara deskriptif. Hasil analisis kandungan dokumen menunjukkan terdapat elemen

KBAT yang dikenal pasti dalam DSKP mata pelajaran Hifz al-Quran dan boleh dikelaskan kepada tiga domain utama elemen KBAT iaitu, kognitif, afektif dan psikomotor.

Kata Kunci: KBAT, Kurikulum Bersepadu Tahfiz, Hifz al-Quran, DSKP, Taksonomi Semakan Bloom

PENDAHULUAN

Pendidikan tahfiz kini tidak asing lagi dalam kalangan masyarakat beragama Islam di Malaysia dan telah menjadi satu trend bagi setiap keluarga untuk memberikan anak mereka pendidikan tahfiz sama ada di sekolah kerajaan atau pun di sekolah swasta. Sehingga Ogos 2021, sebanyak 1,483 institut tahfiz berdaftar telah direkodkan dan pihak Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM) telah mensasarkan seramai 125,000 orang huffaz profesional bakal dihasilkan menjelang 2050 (Ahmad, 2021). Fenomena arus perdana pendidikan tahfiz yang semakin rancak kini sudah tidak menjadi pilihan terakhir pelajar untuk melanjutkan pelajaran, tetapi sudah ramai yang berminat untuk mendalami ilmu ini kerana kebanyakan institusi tahfiz tidak hanya menerapkan hafazan al-Quran semata-mata tetapi juga bidang akademik lain, seperti Sains, Teknologi, Kejuruteraan dan Matematik (STEM) (Mohd Nawi et al., 2021). Usaha sebegini dapat membantu melahirkan lebih ramai lagi modal insan yang bergelar huffaz profesional yang boleh mempraktikkan Islam secara holistik dalam kehidupan.

Pihak Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) telah menyedari keperluan dalam meningkatkan lagi sistem pendidikan tahfiz telah mengukuhkan pelaksanaannya dengan mengiktirafkan Kurikulum Bersepadu Tahfiz (KBT) sebagai salah satu kurikulum kebangsaan di bawah kerangka Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (PPPM) 2013-2025 (Alias, 2020). Kurikulum ini digubal dan diselaraskan oleh pelbagai institusi pendidikan agama Islam, antaranya ialah Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM), Jawatankuasa Kurikulum Agama Lembaga Penasihat Penyelarasan Pelajaran Dan Pendidikan Agama Islam (LEPAI) dan Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM). KBT bukan sahaja mengutamakan pendidikan hafazan al-Quran tetapi juga mata pelajaran sedia ada yang terdapat di dalam Kurikulum Standard Sekolah Menengah (KSSM). Pengintegrasian kedua-dua kurikulum ini mampu melahirkan generasi huffaz yang menguasai pelbagai disiplin ilmu. Terdapat empat objektif utama di dalam KBT, iaitu (Bahagian Pendidikan Islam, 2015):

1. melahirkan modal insan yang menghafaz dan memahami 30 juzu' al-Quran;
2. melahirkan modal insan yang boleh menjalinkan hubungan dengan Allah, sesama manusia dan dengan kejadian alam berdasarkan kepada al-Quran dan al-Sunnah;
3. melahirkan modal insan yang mahir dalam bidang keagamaan dan profesional berlandaskan al-Quran dan al-Sunnah; dan
4. melahirkan modal insan yang berupaya memberi pandangan dalam menyelesaikan masalah, memaksimumkan keupayaan berfikir serta berfikiran kreatif dan inovatif.

Kurikulum berasaskan standard yang menjadi asas pendidikan institusi tahfiz telah dijemakan dalam KBT menerusi penggubalan Dokumen Standard Kurikulum dan Pentaksiran (DSKP) untuk semua mata pelajaran termasuklah Hifz al-Quran yang mengandungi Standard Kandungan, Standard Pembelajaran dan Standard Prestasi. DSKP yang dihasilkan menyenaraikan enam tunjang utama kurikulum kebangsaan dan salah satunya ialah Kemahiran Berfikir Aras Tinggi (KBAT). Pendekatan KBAT amat penting dan perlu diberikan penekanan oleh guru supaya


pelajar dapat menguasai kemahiran yang diperlukan dalam Pembelajaran Abad ke-21 (PAK-21) (Bahagian Pembangunan Kurikulum, 2017).

Organisasi kandungan bagi mata pelajaran Hifz al-Quran terbahagi kepada dua bidang iaitu, Hifz al-Quran dan Fiqh al-ayat. Penelitian bagi penggunaan kata kerja KBAT di dalam DSKP bagi kedua-dua bidang akan dirujuk pada Standard Prestasi yang terdapat bagi setiap tingkatan bermula dari tingkatan satu hingga lima. Standard Prestasi merupakan satu set kriteria yang menunjukkan beberapa tahap penguasaan pelajar sebagai petunjuk bahawa sesuatu perkara itu telah dikuasai. Oleh itu, semua perkembangan dan pencapaian pelajar ditaksir melalui Standard Prestasi dan akhir sekali guru akan menilai Tahap Penguasaan (TP) pelajar secara keseluruhan yang merangkumi tiga domain KBAT iaitu kognitif, psikomotor dan afektif semasa proses pembelajaran pelajar secara berterusan. Tahap Penguasaan ditaksir bermula dari TP 1 hingga TP 6 yang ditafsir mengikut tafsiran di dalam DSKP bagi mata pelajaran Hifz al-Quran bagi tingkatan satu hingga lima (Bahagian Pembangunan Kurikulum, 2015a, 2015b, 2017b, 2019a, 2019c).

PENYATAAN MASALAH

Taksonomi Bloom Semakan Anderson yang diadaptasi oleh Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) sebagai kerangka bagi memperkasa kemahiran berfikir pelajar mempunyai dua aras utama kemahiran berfikir iaitu, Kemahiran Berfikir Aras Rendah (KBAR) dan Kemahiran Berfikir Aras Tinggi (KBAT) (Anderson & Krathwohl, 2001; Bahagian Pembangunan Kurikulum, 2014, 2020; Kementerian Pendidikan Malaysia, 2013, 2014; Lembaga Peperiksaan, 2015). Setiap aras kemahiran berfikir mempunyai kata kerja tersendiri bagi menunjukkan tahap pemikiran (Rajah 1) (Anderson & Krathwohl, 2001; Bahagian Pembangunan Kurikulum, 2014).

Rajah 1: Hierarki Aras Berfikir Edisi Taksonomi Bloom Semakan Anderson



Elemen KBAT yang digubal di dalam KBT juga diadaptasi daripada Taksonomi Bloom Semakan Anderson (Bahagian Pembangunan Kurikulum, 2017; Bahagian Pembangunan Kurikulum, 2017a) dan mengikuti aras berfikir yang juga sama ditetapkan di dalam taksonomi tersebut. Menurut (Mohd Saad et al., 2020), menghafaz al-Quran tidak mudah prosesnya dan memerlukan fokus yang tinggi. Mereka yang menghafaz al-Quran bukan sahaja menghafaz tetapi perlu memahami, menjaga hafazan dan mengaplikasi ayat hafazan (Hashim et al., 2013a).

Sekiranya dibanding rujuk bidang menghafaz al-Quran dengan taksonomi ini semata-mata tanpa rujukan lain, didapati bahawa konsep utama di dalam hafazan al-Quran yang menggunakan kata kerja 'mengingat' berada pada aras berfikir rendah. Namun begitu, kedudukan aras berfikir adalah berbeza dalam proses menghafaz al-Quran. Peringkat pertama ialah memahami. Memahami ayat hafazan bukan sahaja penting untuk memahami isi al-Quran tetapi juga membantu pelajar cepat menghafaz dan ayat hafazan dapat kekal lebih lama dalam ingatan. Di sini dapat dilihat perkaitan antara dua proses iaitu proses memahami dan mengingat. Proses seterusnya ialah mengaplikasi. Setelah pelajar memahami dan menghafaz, pelajar akan lebih mudah untuk mengaplikasi ilmu di dalam al-Quran untuk kehidupan seharian (Abu al-Fida', 2006; Masrom et al., 2018; Mohd Saad et al., 2020).

Menurut kajian lepas yang dijalankan oleh (Wan Abdullah et al., 2020), hasil temu bual pakar di dalam bidang tahfiz mendapati mereka tidak bersetuju dengan penggunaan aras berfikir Taksonomi Bloom Semakan Anderson ke dalam KBT kerana disiplin ilmu mengingat ayat al-Quran adalah berbeza dengan 'mengingat' di dalam disiplin ilmu lain. Kajian itu juga menyatakan bahawa menghafaz al-Quran di bawah KBT berada pada aras pemikiran tinggi kerana menghafaz al-Quran bagi pelajar tahfiz bukan sahaja menggunakan konsep 'mengingat' semata-mata tetapi juga perlu digabung jalin dengan empat konsep lain seperti, kekuatan ingatan, bacaan al-Quran, hafazan al-Quran dan gabung jalin disiplin ilmu lain. Namun begitu, kajian tersebut tidak mendatangkan bukti yang menyatakan bahawa 'mengingat' bagi bidang hafazan al-Quran sememangnya 'mengingat' yang sama di dalam Taksonomi Bloom Semakan Anderson. Sedangkan jika diteliti pada DSKP mata pelajaran Hifz al-Quran, iaitu mata pelajaran berkaitan bidang hafazan al-Quran, KPM ada menekankan kepada guru tahfiz untuk melaksanakan KBAT di dalam proses Pengajaran dan Pembelajaran (PdP) (Bahagian Pembangunan Kurikulum, 2015a, 2015b, 2017b, 2019c, 2019a). Tambahan lagi, keperluan menerapkan elemen KBAT dalam semua kurikulum kebangsaan perlu dijalankan dan KBT juga telah diiktiraf sebagai salah satu kurikulum kebangsaan di bawah Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (PPPM) 2013-2025 yang mewajibkan Pembelajaran Abad ke-21 (PAK-21) (Kementerian Pendidikan Malaysia, 2013; Wan Abdullah et al., 2020).

Terdapat juga kajian lain berkaitan KBAT dan hafazan al-Quran yang dilakukan oleh (Masuwai et al., 2023), yang menyatakan bahawa proses hafazan al-Quran merupakan salah satu bidang yang mencapai tahap pemikiran KBAR dan KBAT secara beriringan bukan berperingkat seperti yang disenaraikan di dalam Taksonomi Bloom Semakan Anderson. Namun, kajian ini dilakukan bagi proses hafazan ayat al-Quran yang terkandung di dalam DSKP mata pelajaran Pendidikan Islam yang berada di bawah KSSM dan bukannya KBT.

Justeru terdapat keperluan untuk melakukan penelitian elemen KBAT di dalam DSKP mata pelajaran Hifz al-Quran yang berada di bawah KBT dan lebih menfokuskan hafazan al-Quran secara keseluruhan sehingga tamat 30 juzu'. Secara keseluruhannya, objektif artikel ini adalah menganalisis kata kerja berkaitan KBAT yang terdapat di dalam DSKP mata pelajaran Hifz al-Quran dan mengelaskannya mengikut tiga domain utama KBAT yang terkandung di dalam Taksonomi Bloom Semakan Anderson, iaitu domain kognitif, afektif dan psikomotor.

METODOLOGI

Kajian ini menggunakan kaedah penyelidikan kualitatif dan reka bentuk analisis kandungan (Berg, 2001). Analisis kandungan bagi kajian ini berkaitan dengan membuat analisis terhadap kandungan

dokumen daripada sumber rasmi. Analisis yang dilakukan melibatkan data sekunder, iaitu penelitian kata kerja Kemahiran Berfikir Aras Tinggi (KBAT) pada Standard Prestasi yang disenaraikan di dalam Dokumen Standard Kurikulum dan Penilaian (DSKP) bagi mata pelajaran Hifz al-Quran, Elemen KBAT dalam Kurikulum dan Kemahiran Berfikir Aras Tinggi Aplikasi di Sekolah. Dokumen rasmi ini merupakan dokumen yang dihasilkan oleh Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM). Kata kerja KBAT diteliti dan dianalisis daripada lima DSKP bagi mata pelajaran Hifz al-Quran yang bermula dari tingkatan satu hingga tingkatan lima. Penelitian terhadap kata kerja KBAT yang wujud di dalam DSKP bagi mata pelajaran Hifz al-Quran ini adalah berpandukan kepada kerangka Taksonomi Bloom Semakan Anderson kerana kerangka ini yang diadaptasi bagi Pembelajaran Abad ke-21 (PAK-21) di dalam kurikulum kebangsaan, khususnya bagi kemahiran berfikir pelajar yang terdapat dalam dokumen Elemen KBAT dalam Kurikulum dan Kemahiran Berfikir Aras Tinggi Aplikasi di Sekolah. Setelah data dikumpul, analisis dibahagikan kepada tiga tema utama iaitu berkaitan tahap-tahap yang terdapat di dalam proses menghafaz al-Quran.

HASIL DAN PERBINCANGAN

Menerusi tinjauan yang dijalankan bagi mata pelajaran Hifz al-Quran melalui Kurikulum Bersepadu Tahfiz (KBT), di dalam Dokumen Standard Kurikulum dan Pentaksiran (DSKP) Kementerian Pendidikan Malaysia mendapati elemen-elemen Kemahiran Berfikir Aras Tinggi (KBAT) telah diaplikasikan secara langsung dalam proses pengajaran dan pembelajaran (PdP) di dalam bilik darjah. Elemen-elemen KBAT ini boleh diselaraskan dengan kerangka berfikir Taksonomi Bloom Semakan Anderson.

Analisis aras pemikiran ini dibuktikan melalui kata kerja yang dianalisis dan disemak pada setiap domain dalam Taksonomi Bloom Semakan Anderson. Domain bagi setiap aras pemikiran dinyatakan di dalam jadual (Jadual 1) berikut.

Jadual 1: Kata Kerja Tindakan Setiap Domain Pemikiran Dalam Taksonomi Bloom Semakan Anderson (Anderson & Krathwohl, 2001).

Domain	Kata Kerja Tindakan
C1	mengatur, mengumpul, menentukan, menerangkan, memeriksa, mengenal pasti, menyenaraikan, mengingat, menamakan, mengaitkan, memetik, mengulangi, menghasilkan semua, merekodkan, menunjukkan, menyatakan.
C2	mengaitkan, menjelaskan, mengklasifikasikan, membezakan, membincangkan, menganggarkan, menyatakan, melanjutkan, mengenal pasti, menunjukkan, mentafsir, mengesan, meramalkan, menegaskan, memilih.
Kognitif C3	mengira, menukar, memilih, melengkapkan, membina, menunjukkan, menghasilkan penemuan, mengambil, meneliti, menggambarkan, mentafsir, mengubah suai, mengamalkan, melakarkan, menguji, menyelesaikan, mengiktiklak, mengaitkan, mengaplikasi.
C4	menganalisis, menilai, menyusun, mengira, mengkategorikan, mengklasifikasikan, membandingkan, menyambung, membezakan, mengkritik, membahaskan, membahagikan, menguji, menyimpulkan, meneliti, menyiasat, mempersoalkan, mengasingkan.

Domain	Kata Kerja Tindakan
	C5 menilai, memberi hujah, melampirkan, memilih, membandingkan, meyakinkan, mengkritik, menyokong, membela, menghakimi, mengukur, meramal, mengesyorkan, menyemak, memberikan skor, membuat pertimbangan, membuat kesimpulan, menilai kewajaran.
	C6 berhujah, menyusun, mengumpul, mengarang, membina, mencipta, mereka bentuk, membangun, menubuhkan, membentuk, menghasilkan, mengintegrasikan, mengurus, merancang, menyediakan, mencadangkan, mengaitkan, menulis semula, membuat kesimpulan.
	A1 mengikut, memegang, menamakan, menggunakan, menjawab.
	A2 membantu, menjawab, mematuhi, membincangkan, menolong, melaksanakan, mengamalkan, membentangkan, menulis, melaporkan, memilih, mendeklamasikan.
Afektif	A3 menerangkan, menunjukkan cara, membezakan, mewajarkan, melaporkan, memilih.
	A4 mengatur, menyatu padu, mengorganisasi, menghubungkan kait, membuat sintesis, menghuraikan, membandingkan.
	A5 membezakan, mempamerkan, mempengaruhi, memupuk, membudayakan, menyemak, menyelesaikan, mengesahkan, mencadangkan.
	P1 memilih, menerangkan, mengesan, mengenal pasti, membezakan, mengecam, menghubungkan kait, menyisihkan.
	P2 memulakan, mempamerkan, menghuraikan, memindahkan, meneruskan, memberi tindak balas, menyatakan, menunjukkan.
	P3 menyalin, menjejaki, mengikuti, memberi respons, menghasilkan semula, memberikan tindak balas.
Psikomotor	P4 mencantumkan, menentu ukur, membina, merungkai, mempamerkan, memasang, memanipulasi, membaiki, mengorganisasikan, melakarkan, mencampurkan, mengukur.
	P5 mencantumkan, membina, mempamerkan, mengukur, memanipulasi, menganjurkan, melakar, merungkai, mengenakan, membaiki.
	P6 mengadaptasi, mengubahsuai, menukar, mengatur semula, mengorganisasikan semula, menyemak, mempelbagaikan
	P7 menyasarkan, mereka bentuk, mencipta, membangunkan, mengarang, mencantumkan, membina.

Penerapan elemen KBAT di dalam Organisasi Kandungan bagi mata pelajaran Hifz al-Quran ini boleh dianalisis melalui empat proses PdP mata pelajaran Hifz al-Quran, iaitu hafazan al-Quran, penerapan ilmu Tajwid, penulisan al-Quran dengan kaedah-kaedah Rasm al-Quran dan penerapan adab (Bahagian Pembangunan Kurikulum, 2015a, 2015b, 2017b, 2019c, 2019b).

Hafazan al-Quran

Aktiviti PdP dalam mata pelajaran Hifz al-Quran memerlukan pelajar untuk menghafaz al-Quran mengikut juzuk yang telah ditetapkan (Bahagian Pembangunan Kurikulum, 2015a, 2015b, 2017b, 2019c, 2019b). Domain kognitif di dalam proses ini memerlukan pelajar mengingat dengan tepat setiap huruf dan baris ayat-ayat yang dihafaz. Sekiranya berlaku kesalahan, sama ada kesalahan *khafi* (kecil) atau *jali* (besar), ia tetap menjadi satu kesalahan (Al-Ahdal, 1429; Syukri, 2010) yang boleh menyebabkan pelakunya menanggung dosa (Syukri, 2010). Di dalam proses PdP Hifz al-Quran juga, pelajar perlu membenteng dan mempamerkan ayat-ayat al-Quran yang telah dihafaz. Domain afektif dalam proses ini memerlukan pelajar untuk membentengkan setiap hafazan al-Quran dengan tepat di hadapan guru tahfiz.

Berdasarkan Taksonomi Bloom Semakan Anderson (Anderson & Krathwohl, 2001), melalui kata kerja ‘menghafaz’ atau ‘mengingat’ ayat al-Quran dan ‘mempamer’ atau ‘membenteng’ hafazan dengan tepat berada pada domain kognitif C1 (menghafaz), C3 (mempamer atau membenteng), pada kata kerja ‘mempamer’ atau ‘membenteng’ juga mempunyai persamaan makna istilah kata kerja dengan ‘menunjukkan atau membuktikan’ yang juga terdapat di dalam domain afektif, iaitu pada A5 Menghayati. Walaupun proses menghafaz al-Quran berada pada C1 dan C3 pada domain kognitif, tetapi proses ini tidak berlangsung dengan satu tindakan, sebaliknya ia perlu dilakukan secara beriringan sehingga tindakan ‘mempamer’ atau ‘membenteng’ iaitu *tasmik* dihadapan guru dan proses ini menjadikan pelajar berkebolehan mencapai domain afektif (A5) dan psikomotor (P2).

Penerapan Ilmu Tajwid

Hafazan al-Quran dengan menjaga hukum Tajwid adalah diwajibkan (al-Nawawī, 1973; Ibn al-Jazarī, 1994). Menjaga hukum Tajwid dapat menghasilkan sebutan huruf al-Quran yang tepat, seterusnya makna setiap kalimah dan maksud ayat dapat dicapai (Syukri, 2010). Di dalam DSKP, pelajar yang menghafaz dan membentengkan hafazan al-Quran mereka perlu menjaga hukum Tajwid. Proses ini memerlukan pelajar untuk integrasikan kemahiran dalam ‘mengingat’ atau ‘menghafaz’ dan kemahiran ‘mempraktik’ hukum Tajwid yang tepat dalam hafazan dan ‘membenteng’ hasil hafazan melalui proses *tasmik* hafazan al-Quran.

Tahap pemikiran bagi proses ini berada pada domain kognitif (C1) bagi kata kerja ‘mengingat’ atau ‘menghafaz’ manakala kata kerja ‘mengaplikasi’ berada pada domain kognitif (C3) dan afektif (A5). Proses penerapan ilmu Tajwid yang melibatkan ‘mengingat’ atau ‘menghafaz’ dan ‘mengaplikasi’ ini merupakan salah satu pengintegrasian atau gabung jalin ilmu. Oleh itu, proses ini merupakan aktiviti pembelajaran yang sukar dan memerlukan disiplin yang tinggi (Hashim et al., 2013b; Mohd Saad et al., 2020). Aras pemikiran bagi gabung jalin ilmu berada pada domain kognitif (C6) Menciptakan dan psikomotor (P1) (Anderson & Krathwohl, 2001).

Penulisan al-Quran

Penulisan al-Quran adalah diwajibkan dalam DSKP Hifz al-Quran (Bahagian Pembangunan Kurikulum, 2015a, 2015b, 2017b, 2019c, 2019b). Penulisan ini perlu menerapkan kaedah rasm al-Quran yang tepat disebabkan hukum menulis al-Quran dengan rasm Uthmani adalah wajib kerana tulisan ini bersifat *tawqifi* daripada Rasulullah SAW (al-Zurqani, 2001). Selain itu pelajar juga perlu menguasai kaedah menulis titik dan baris al-Quran iaitu ilmu *Dabt al-Quran*. Walau pun *Dabt al-Quran* bersifat *ijtihadi* (al-Zurqani, 2001; Sya’ban, 2001), namun penggunaan *Dabt al-Quran* umat Islam di Malaysia telah ditetapkan dan dikawal selia oleh Kementerian Dalam

Negeri (Kementerian Dalam Negeri (KDN), 2020). Justeru pelajar perlu menguasai kaedah-kaedah di dalam ilmu Rasm dan Dabt al-Quran atau perlu memiliki kemahiran untuk merujuk sumber yang tepat dan berupaya mengintegrasikan ilmu rasm Uthmani dan Dabt al-Quran dalam penulisan al-Quran mereka.

Berdasarkan Taksonomi Bloom Semakan Anderson (Anderson & Krathwohl, 2001), aktiviti penulisan al-Quran melalui kata kerja 'mengetahui' ilmu berada pada aras pemikiran domain kognitif (C2) manakala 'mengaplikasi' tulisan yang betul berada pada aras kognitif (C3) dan afektif (A5). Kata kerja pada aras pemikiran tinggi bagi proses penulisan al-Quran telah dikenal pasti pada kata kerja 'mengintegrasikan' kaedah-kaedah ilmu yang berada pada dua domain iaitu domain kognitif (C6) Mencipta dan psikomotor (P1). Pelajar tahfiz bukan sahaja boleh mencapai sehingga aras (mencipta) tetapi juga berkebolehan memberikan persepsi dan kesedaran dalam mendalami ilmu berkaitan hafazan al-Quran iaitu pada domain psikomotor (P1).

Penerapan Adab

Adab merupakan perkara utama dalam proses menuntut ilmu (al-Nawawī, 1973). Di dalam DSKP Hifz al-Quran, pelajar perlu mengaplikasikan adab dalam menghafaz dan membentangkan hafazan al-Quran (Bahagian Pembangunan Kurikulum, 2015a, 2015b, 2017b, 2019c, 2019b). Adab dalam menghafaz al-Quran merangkumi proses sebelum, semasa dan selepas hafazan al-Quran dijalankan (al-Nawawī, 1973; Ibn al-Jazarī, 1994). Pelajar tahfiz di bawah KBT bukan sahaja menghafaz al-Quran semata-mata, tetapi mereka perlu menguasai adab-adab dalam menghafaz dan membentangkan hafazan al-Quran dan mempraktikkan pula adab-adab dalam aktiviti PdP Hifz al-Quran.

Aras pemikiran bagi penguasaan adab dan praktikal adab di dalam mata pelajaran Hifz al-Quran berdasarkan Taksonomi Bloom Semakan Anderson (Anderson & Krathwohl, 2001), telah dikenal pasti melalui kata kerja 'mengetahui' atau 'menguasai' ilmu pada aras kognitif (C2), 'mengaplikasikan' adab berada pada aras kognitif (C3) dan 'mempamerkan' adab pula berada pada aras afektif (A5) dan psikomotor (P5). Aktiviti yang dinyatakan dengan kata kerja tersebut, iaitu 'mengetahui' atau 'menguasai', 'mengaplikasi', dan 'mempamer' adab berlaku semasa aktiviti atau tindakan 'membentangkan' hafazan al-Quran. Dapat dilihat bahawa aktiviti atau tindakan yang perlu dilakukan oleh pelajar melibatkan gabung jalin ilmu dan tindakan. Hal ini menunjukkan bahawa aras pemikiran bagi mata pelajaran Hifz al-Quran sebenarnya telah mencapai sehingga aras pemikiran tinggi. Pengintegrasian ilmu yang berlaku dalam PdP mata pelajaran Hifz al-Quran dapat menjadikan pelajar tahfiz di bawah KBT sebagai modal insan yang mahir dan kompeten dalam bidang hafazan al-Quran dari segi menghafaz dan mengaplikasi ilmu dalam kehidupan seharian.

KESIMPULAN

Berdasarkan analisis yang dijalankan, aktiviti dalam proses PdP mata pelajaran Hifz al-Quran ini mempunyai tahap pemikiran yang tinggi berdasarkan aras pemikiran dalam Taksonomi Bloom Semakan Anderson dan penilaian bukan sahaja daripada domain kognitif semata-mata tetapi juga melibatkan domain afektif dan psikomotor. Namun begitu, terdapat kekurangan maklumat atau panduan di dalam DSKP mata pelajaran Hifz al-Quran yang tidak menyatakan secara lengkap aras pemikiran bagi setiap aktiviti di dalam Organisasi Kandungan mata pelajaran tersebut. Hal ini perlu ditambah baik untuk memberi panduan kepada guru tahfiz dalam menerapkan elemen KBAT dalam PdP. Ini kerana penerapan elemen KBAT di dalam PdP perlu dilakukan secara

kolektif iaitu bermula dengan guru dan juga panduan daripada pihak kementerian supaya objektif melahirkan modal insan *huffaz* dapat dicapai sebagai mana objektif KBT sendiri. Kelompongan yang terdapat di dalam DSKP mata pelajaran Hifz al-Quran ini perlu ditambah baik untuk keperluan guru tahfiz dalam PdP mereka.

Cadangan bagi kajian lanjut berkaitan KBT dan KBAT boleh dilakukan pada masa akan datang dengan mengkaji tentang pengalaman guru tahfiz mengendalikan KBAT di dalam PdP yang memfokuskan kepada strategi pengajaran KBAT bagi mata pelajaran Hifz al-Quran.

PENGHARGAAN

Kajian ini dijalankan dengan peruntukan daripada Kementerian Pendidikan Tinggi melalui Fundamental Research Grant Scheme (FRGS), kod projek: FRGS/1/2022/SSI07/UKM/02/15 dengan kerjasama pihak Universiti Kebangsaan Malaysia.

RUJUKAN

- Abu al-Fida', M. I. (2006). *Kaifa Nahfazul Quran*. Dar as-Salam.
- Ahmad, S. (2021, August 24). *Sasaran 125,000 golongan huffaz profesional tahun 2050*. Harian Metro. <https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2021/08/746455/sasaran-125000-golongan-huffaz-profesional-tahun-2050>.
- Al-Ahdal, H. A. . (1429). *Ta'alim tadabbur al-Qur'ān al-Kaīm asalib amaliyyah wa marahil manhajiyah*. al-Jam'iyyah al-Khayriyyah li Hifz al-Qur'ān.
- Alias, N. (2020). Kurikulum Bersepadu Tahfiz (KBT). In M. K. Jusoh (Ed.), *Sejarah Dan Perkembangan Pendidikan Tahfiz Al-Quran Di Malaysia: Edisi II*. Darul Quran JAKIM. www.ipislam.edu.my.
- al-Nawawī. (1973). *al-Tibyān fi Ādāb Hamalat al-Qur'ān*. Dār al-Fikr.
- al-Zurqani, M. A. Z. (2001). *Manāhil al' Irfān fi' ulūm al Qur'ān*. Dār al-ḥadīth.
- Anderson, L. W., & Krathwohl, D. R. (2001). *Taxonomy for Learning, Teaching, and Assessing: A Revision of Bloom's Taxonomy*. Longman Publishing.
- Bahagian Pembangunan Kurikulum. (2017). *DSKP Hifz al-Quran Tingkatan 5*.
- Bahagian Pembangunan Kurikulum. (2014). *Elemen KBAT Dalam Pedagogi*. Kementerian Pendidikan Malaysia.
- Bahagian Pembangunan Kurikulum. (2015a). *Kurikulum Standard Sekolah Menengah Hifz al-Quran Tingkatan 2*. In Dokumen Standard Kurikulum dan Pentaksiran (pp. 1–19). Kementerian Pendidikan Malaysia.
- Bahagian Pembangunan Kurikulum. (2015b). *Kurikulum Standard Sekolah Menengah Hifz al-Quran Tingkatan 3*. In Dokumen Standard Kurikulum dan Pentaksiran (pp. 1–21). Kementerian Pendidikan Malaysia.
- Bahagian Pembangunan Kurikulum. (2017a). *DSKP Maharat al-Quran Tingkatan 5*.
- Bahagian Pembangunan Kurikulum. (2017b). *Kurikulum Standard Sekolah Menengah Hifz al-Quran Tingkatan 1*. In Dokumen Standard Kurikulum dan Pentaksiran (pp. 1–42). Kementerian Pendidikan Malaysia.
- Bahagian Pembangunan Kurikulum. (2019a). *Kurikulum Standard Sekolah Menengah Hifz al-Quran Tingkatan 4*. In Dokumen Standard Kurikulum dan Pentaksiran (pp. 1–39). Kementerian Pendidikan Malaysia.
- Bahagian Pembangunan Kurikulum. (2019b). *Kurikulum Standard Sekolah Menengah Hifz al-Quran Tingkatan 4* (pp. 1–39). Kementerian Pendidikan Malaysia.

- Bahagian Pembangunan Kurikulum. (2019c). *Kurikulum Standard Sekolah Menengah Hifz al-Quran Tingkatan 5*. In Dokumen Standard Kurikulum dan Pentaksiran (pp. 1–39). Kementerian Pendidikan Malaysia.
- Bahagian Pembangunan Kurikulum. (2020). *Toolkit PdP KBAT*. Kementerian Pendidikan Malaysia.
- Bahagian Pendidikan Islam. (2015). *Maklumat Asas Pelaksanaan Kurikulum Bersepadu Tahfiz*. <http://jpnperak.moe.gov.my/jpn/attachments/article/2558/KBT%20Maklumat%20Asas%202015.pdf>.
- Berg, B. L. (2001). *Qualitative Research Methods for the Social Sciences* (S. L. Kelbaugh, Ed.; 4th ed.). A Pearson Education Company.
- Hashim, A., Tamuri, Ab. H., & Jemali, M. (2013a). Latar Belakang Guru Tahfiz Dan Amalan Kaedah Pengajaran Tahfiz Al-Quran di Malaysia. *The Online Journal of Islamic Education*, 1(1), 28–39.
- Hashim, A., Tamuri, Ab. H., & Jemali, M. (2013b). Latar Belakang Guru Tahfiz Dan Amalan Kaedah Pengajaran Tahfiz Al-Quran Di Malaysia. *The Online Journal of Islamic Education*, 1(1), 28–39.
- Ibn al-Jazarī. (1994). *Tayyibat al-nashr fi al-qirā'āt al-'ashr*. Dār al-Huda.
- Kementerian Dalam Negeri (KDN). (2020). *Garis Panduan Al-Quran Tajwid Berwarna Berserta Waqaf dan Ibtida'*.
- Kementerian Pendidikan Malaysia. (2013). *Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2013-2025: Pendidikan Prasekolah Hingga Lepas Menengah*.
- Kementerian Pendidikan Malaysia. (2014). *Kemahiran Berfikir Aras Tinggi Aplikasi di Sekolah*.
- Lembaga Peperiksaan. (2015). *Item Contoh Pentaksiran KBAT*. Kementerian Pendidikan Malaysia. <http://lp.moe.gov.my/index.php/penerbitan/bahan-rujukan/500-instrumen-contoh-pentaksiran-kbat>
- Masrom, N. W., Hashim, M., Hashim, N., & Puteh Behak, F. (2018). Kedudukan Taksonomi Bloom Menurut Perspektif Islam. *Journal of Quran Sunnah Education and Special Needs*, 1(1), 18–26.
- Masuwai, A., Tamuri, A. H., Ismail, A. M., & Hussin, N. H. (2023). Kesesuaian Taksonomi Bloom dengan Bidang Hafazan al-Quran dalam Dokumen Standard Kurikulum dan KSSM Pendidikan Islam. *BITARA International Journal of Civilizational Studies and Human Sciences*, 6(2), 40–57.
- Mohd Nawi, M. Z., Omar, M. R., & Mohd Nor, M. A. (2021). Sistem Pendidikan Tahfiz di Malaysia, Pilihan Ibu Bapa dan Warisan Pendidikan Islam Andalus: Satu Sorotan. *Asian People Journal*, 4(1), 132–147.
- Mohd Saad, M. F., Mohamad, S., Ishak, H., & Hussin, H. (2020). Kaedah Penerapan Tadabbur Untuk Huffaz Al-Quran. *Tinta Artikulasi Membina Ummah*, 6(2), 15–23.
- Sya'ban, M. I. (2001). *Rasm al-Mushaf wa Dabṭuh*. Dar As-Salam.
- Syukri, A. K. (2010). *Al-Munir fi Ahkam al-Tajwid*. al-Jam'iyah.
- Wan Abdullah, W. A. A., Mohd Zhaffar, N., Nor, N., Musa, N. A., & Othman, M. S. (2020). Konsep Kemahiran Berfikir Aras Tinggi (KBAT) dalam Kurikulum Bersepadu Tahfiz (KBT). *JQSS-Journal of Quran Sunnah Education and Special Needs*, 4(2), 11–21.